

PM nafi ramalan Daim letak jawatan

BH - 2 JUN 2001

Oleh Magendran Rajagopal

PETALING JAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak spekulasi Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, akan meletak jawatan.

Ketika ditemui pemberita sekembalinya dari Jakarta selepas menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15), Perdana Menteri berkata: "Setakat ini, saya tidak menerima apa-apa surat daripada Daim mengenai peletakan jawatan itu."

Diminta mengulas mengenai laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang menyatakan spekulasi bahawa Daim akan meletak jawatan tidak lama lagi semakin heboh, beliau berkata: "Saya

tidak mahu mengulas mengenai spekulasi".

Daim sepatutnya kembali bertugas hari ini di Kementerian Kewangan selepas bercuti selama dua bulan. Daim juga bertindak sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas.

Dalam satu sidang akhbar minggu lalu, Daim yang sedang bercuti dua bulan berkata, masih terlalu awal bagi beliau membuat keputusan mengenai kedudukannya dalam Kabinet.

Ketika ditanya sama ada beliau merancang terus mengekalkan jawatannya, Daim berkata, beliau juga masih belum memutuskan sama ada menghadiri atau tidak Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan bermula 19 Jun depan.

Bulan lalu, Daim mengesahkan beliau mengambil cuti selama dua bulan bermula awal April dan

berakhir semalam, bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada tugas menggerakkan ekonomi negara.

Kerana itu, walaupun dalam cuti, beliau masih ke pejabat bagi membesarkan semua fail pembangunan, kecuali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno.

Sepanjang cutinya, beliau diwakili Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz dalam Kabinet.

Sementara itu, Bernama melaporkan Pejabat Perdana Menteri menafikan laporan AP-Dow Jones bahawa persidangan media Dr Mahathir sekembalinya dari Jakarta hari ini dipanggil secara tergesa-gesa.

"Itu tidak betul," kata Penolong Setiausaha Akhbar Perdana Men-

teri, Sufi Yusoff, ketika dihubungi Bernama.

Laporan berita Dow Jones itu berbunyi: "Berasaskan kepada persidangan media yang dipanggil secara tergesa-gesa kira-kira 0330 GMT untuk media tempatan, Mahathir dijangka membuat pengumuman besar hari ini; pasaran mungkin membimbangkan di tengah-tengah spekulasi yang semakin meningkat bahawa (Tun) Daim (Zainuddin) mungkin meletak jawatan (sebagai Menteri Kewangan).

"Walaupun pada perancangan awal ialah untuk mengadakan taklimat eksklusif bagi media rasmi milik kerajaan, pertubuhan media tempatan lain telah dijemput kurang dari satu jam sebelum ia se-

LIHAT MUKA 2

Media asing sengaja buat spekulasi

DARI MUKA 1

BH - 2 JUN 2001

patutnya bermula; media asing tidak dibenarkan menghadiri taklimat itu, Mahathir mengadakan persidangan media sekembalinya dari menghadiri mesyuarat G15 di Jakarta. KLCI kini turun 0.1 peratus pada 572.1."

Sufi menjelaskan persidangan media Dr Mahathir yang disebut dalam laporan AP-Dow Jones itu sebenarnya adalah persidangan media biasa yang diadakan setiap kali Perdana Men-

teri pulang dari luar negara dan ia terbuka kepada media tempatan.

Sufi berkata, adalah tidak benar pertubuhan media tempatan dijemput kurang dari satu jam sebelum persidangan media itu bermula.

"Jemputan itu dikeluarkan melalui agensi berita nasional Bernama, semalam, 31 Mei 2001," katanya.

Beliau berkata sebab mengapa hanya media rasmi dijemput sebelum itu

ialah kerana Perdana Menteri pada mulanya dijangka tiba jam 1.15 pagi (1 Jun 2001) yang memerlukan hanya liputan gambar bagi ketibaannya.

Oleh kerana penerbangan itu diubah jadualnya kepada jam 11 pagi ini, maka persidangan media diadakan untuk media tempatan, yang menjadi perkara biasa dan tidak ada apa-apa yang luar biasa, katanya.

"Laporan berita Dow Jones yang Perdana Men-

teri dijangka membuat satu pengumuman besar adalah spekulasi semata-mata. Spekulasi dan pengumuman seumpama itu yang dibuat tanpa pengesahan terlebih dulu dari pejabat ini (Pejabat Perdana Menteri) adalah tidak bertanggungjawab dan tidak tepat sama sekali," kata Sufi.

Pada persidangan media itu, Dr Mahathir menolak spekulasi yang Daim meletak jawatan dalam Kabinet.